

ESTETIKA SENI DALAM INSTRUMEN TRADISI LISAN AWANG BATIL

MADIAWATI MAMAT@MUSTAFA
Universiti Malaya
atie@um.edu.my

MAIZIRA ABDUL MAJID
Universiti Malaya
maizira@um.edu.my

ABSTRAK

Tradisi lisan merupakan bentuk hiburan yang terawal dalam sejarah kebudayaan manusia yang kian terpinggir dalam arus pemodenan dan perkembangan teknologi digital dan perlu diperkenalkan kepada masyarakat. Persembahan ini disampaikan secara lisan oleh seseorang tukang cerita sama ada secara amatir mahupun profesional. Penyampaian tradisi lisan dengan pengungkapan kata-kata yang mengasyikkan biasanya akan diiringi oleh alat bantu seperti penggunaan alat muzik, topeng, busana atau wayang bagi menyerlahkan estetika sesebuah persembahan tradisi lisan. Persembahan Awang Batil merupakan antara tradisi lisan yang masih aktif dipersembahkan di Negeri Perlis. Permainan Awang Batil dipersembahkan oleh Encik Romli Mahmud yang mewarisi persembahan tersebut secara turun-temurun. Persembahan ini bukan sahaja mengenengahkan penceritaan lisan dengan pelbagai cerita rakyat tempatan yang menghiburkan khalayaknya tetapi juga memperlihatkan kehebatan seorang penglipur lara yang berkebolehan bermain alat muzik dan mengenakan alat bantu yang lain seperti topeng dan batil bagi menarik perhatian khalayaknya. Sehubungan itu kajian ini akan membincangkan aspek persepsi estetika dalam tradisi lisan yang mengkhusus kepada penggunaan instrumen dalam tradisi lisan Awang Batil bagi menjelaskan aspek fungsi, falsafah, dan penggunaan alat muzik dalam mempersembahkan naratif lisan. Data-data kajian didapati dari kerja lapangan dan dianalisis dengan menggunakan pendekatan Persepsi Estetika (1960). Daripada penelitian awal didapati bahawa penggunaan instrumen seperti alat muzik dan alat bantu yang lain dalam persembahan Awang Batil mempunyai fungsi dan peranan yang tersendiri dalam menyerlahkan estetikanya. Kajian ini mendapati bahawa tradisi lisan Awang Batil bukan sahaja berperanan sebagai hiburan, tetapi juga sebagai saluran pendidikan secara tidak langsung. Penciptaan dan penggunaan instrumen dalam persembahan ini pula memainkan peranan penting dalam memperlihatkan kreativiti penglipur lara, memperkayakan penceritaan dan meningkatkan penghayatan khalayak. Selain itu, kajian ini membantu dalam usaha dokumentasi dan pemeliharaan warisan budaya Awang Batil yang semakin dilupakan oleh arus perkembangan teknologi.

Kata Kunci: Awang Batil; estetika seni; instrumen; penglipur lara; tradisi lisan

THE AESTHETIC ART OF INSTRUMENTS IN AWANG BATIL PERFORMANCES

ABSTRACT

Oral tradition is one of the earliest forms of entertainment in the history of human culture, increasingly marginalized by modernization and the rise of digital technology, and thus needs to be reintroduced to society. This performance is orally delivered by a storyteller, either an amateur or a professional. The delivery of oral tradition, with its captivating use of words, is usually accompanied by supporting tools such as musical instruments, masks, costumes, or puppets to enhance the aesthetics of the oral performance. The Awang Batil performance is among the oral traditions still actively performed in the state of Perlis. Awang Batil is performed by Encik Romli Mahmud, who inherited the performance through generations. This performance not only showcases oral storytelling with various local folk tales that entertain the audience but also highlights the skills of a storyteller capable of playing musical instruments and using other tools such as masks and the batil to attract the audience's attention. Therefore, this study will discuss the aspect of aesthetic perception in the oral tradition, focusing on using instruments in the Awang Batil tradition to explain the functions, philosophy, and usage of musical instruments in delivering oral narratives. The research data were obtained through fieldwork and analyzed using the Aesthetic Perception approach (1960). The findings of the study found that the use of instruments such as musical tools and other supporting elements in the Awang Batil performance has distinct functions and roles in highlighting its aesthetics. This study found that the Awang Batil oral tradition serves not only as entertainment but also as an indirect educational channel. The creation and use of instruments in this performance play a crucial role in showcasing the creativity of the storyteller, enriching the narrative, and enhancing the audience's appreciation. Additionally, this study contributes to the documentation and preservation of the Awang Batil cultural heritage, which is gradually being forgotten amidst the advancement of technology.

Keywords: Aesthetics art; Awang Batil; instruments; oral tradition; storyteller

PENGENALAN

Tradisi lisan merupakan salah satu bentuk sastera yang paling awal berkembang dalam sejarah kebudayaan manusia. Menurut Mohd Taib Osman (1991), tradisi lisan adalah bentuk sastera yang tertua, manakala Ismail Hamid (1987) pula menyatakan bahawa ia adalah sastera yang terawal lahir dalam semua kebudayaan manusia. Pada zaman animisme, tradisi lisan memainkan peranan penting dalam masyarakat yang masih berfikiran tertutup dan belum mengenal tulisan.

Penyampaian tradisi lisan akan dikendalikan oleh tukang cerita yang berkebolehan dan berpengalaman. Pelbagai gelaran tukang cerita diberikan mengikut nama tempat atau peralatan yang digunakan semasa mengiringi persembahan tradisi lisan. Tradisi lisan Awang Batil misalnya yang terkenal di negeri Perlis menggunakan gelaran Awang Belanga (suatu ketika dahulu) dan kini dikenali sebagai Awang Batil kerana menggunakan peralatan batil sebagai salah satu instrumen semasa mengiringi persembahan tradisi lisan Awang Batil.

Instrumen merujuk kepada alat atau perkakas yang digunakan untuk tujuan tertentu. Dalam konteks seni dan muzik, instrumen merujuk kepada alat muzik yang digunakan untuk menghasilkan bunyi atau irama, seperti gendang, serunai, rebab, dan sebagainya. Instrumen ini

boleh digunakan dalam persembahan muzik, tradisi lisan, atau upacara kebudayaan untuk menyampaikan ekspresi seni, mencipta suasana, dan menyokong naratif cerita.

Persembahan Awang Batil dikendalikan oleh seorang penglipur lara yang dikenali sebagai Awang Batil, atau dengan nama sebenarnya Encik Romli Mahmud, yang lebih mesra dipanggil Pok Romli. Beliau mewarisi permainan ini daripada almarhum bapanya, Encik Mahmud Wahid, dan telah meneruskan warisan turun temurun ini sehingga ke hari ini. Tradisi lisan Awang Batil ini bukan sahaja melestarikan cerita-cerita rakyat, tetapi juga memelihara warisan budaya yang memaparkan identiti masyarakat setempat. Gambaran tersebut dapat dilihat dalam pernyataan berikut:

Pak Mahmud mempelajari Awang Batil daripada penglipur lara Tuk Mat Selebom. Mengikut turutan Sejarah Awang Belanga, Tuk Mat Selebom mempelajari Awang Batil daripada Tuk Awang Kelam (Buta) di Kampung Seriab. Mengikut cerita Encik Amin bin Ahmad yang tinggal di Panggau, Tuk Awang Kelam belajar Awang Belanga daripada Tuk Mat Belanga yang tinggal di Kampung Panggau, Perlis.

(Mokhtar A.K, 2022: 5)

Tradisi lisan yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi ini melibatkan dua aspek utama persembahan yang saling melengkapi, iaitu pertama aspek penceritaan dan keduanya aspek persembahan menggunakan instrumen tertentu sebagai selingan atau iringan kepada penceritaan. Kedua-dua aspek ini berfungsi untuk meningkatkan penumpuan dan pemahaman khalayak semasa mengikuti persembahan. Aspek penceritaan merujuk kepada pengucapan cerita lisan yang disampaikan secara bersahaja tetapi dengan penggunaan nada dan gaya yang bersesuaian dengan jalan cerita. Antara cerita yang dipersembahkan oleh Awang Batil adalah *Cerita Awang Akar Larak*, *Cerita Awang Batil*, *Cerita Awang Ada Duit Semua Boleh Jadi* dan *Cerita Awang Penipu*. Penglipur lara, seperti Awang Batil, menggunakan variasi nada suara, intonasi, dan ekspresi semasa menyampaikan cerita untuk menambah daya tarikan kepada cerita yang dipersembahkan. Aspek persembahan pula melibatkan penggunaan alat muzik atau instrumen lain seperti topeng yang diselang-selikan dalam penceritaan.

Menurut Mohd Ghouse Nasuruddin (1991), alat-alat paluan seperti membranofon dan idiofon sering menjadi komponen penting dalam ensemble muzik Melayu. Alat-alat ini digabungkan dengan instrumen tiupan seperti serunai dan seruling yang memainkan peranan penting dalam pelbagai bentuk persembahan tradisional. Dalam konteks estetika alat muzik Awang Batil, kebiasaannya menggunakan pelbagai instrumen muzik seperti serunai, biola, gendang, dan batil semasa mengiringi penceritaan. Dua jenis topeng juga digunakan dalam persembahan ini, yang masing-masing mewakili watak hulubalang dan tok nujum untuk menambah dimensi visual dan dramatik kepada penceritaan. Instrumen batil pula merupakan peralatan utama dalam persembahan ini. Dalam konteks persembahan, ia digunakan dengan cara menepuk bahagian belakang batil untuk mengeluarkan irama tertentu yang berfungsi sebagai latar muzik sekaligus memberi kesan kepelbagaian emosi dan estetika dalam penceritaan.

Menurut Pok Romli, tradisi persembahan Awang Batil pada asalnya hanya menggunakan dua buah alat muzik sahaja, iaitu batil dan serunai. Namun, penggunaan alat muzik telah berkembang mengikut kehendak dan kesesuaian semasa. Apabila beliau mewarisi permainan tradisi lisan ini, lebih banyak instrumen muzik diguna dalam tradisi lisan Awang Batil. Selain batil dan serunai, alat muzik lain seperti gendang dan biola juga digunakan sebagai alat bantuan mengiringi penceritaan Awang Batil. Setiap satu daripada alat muzik ini memainkan peranan dan fungsi tersendiri dalam memberikan kesan dramatik dan emosi kepada

penceritaan Awang Batil yang seterusnya menjadikannya lebih berkesan dan mendalam bagi khalayak penonton. Hal demikian dapat dilihat dalam petikan berikut:

Penglipur lara seorang yang berkebolehan bukan sahaja bercerita tetapi melakonkan aksi watak-watak dalam ceritanya, mengajukan ucapan dialog dan bangun menari, bersilat, berjalan dan bergerak di pentas untuk menghidupkan ceritanya. Dia juga menggunakan topeng-topeng untuk menggambarkan lebih jelas rupa sesuatu watak terutama watak utama dan watak jahat. Kadang-kadang penglipur lara menyarungkan pakaian seperti baju layang atau sesuatu jubah yang longgar dengan cepat di atas pentas bagi mengindahkan lagi penceritaannya.

(Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu: 1999).

Tradisi lisan Awang Batil memang menarik perhatian khalayak kerana cerita yang dipersembahkan oleh penglipur lara Awang Batil dilakukan secara bersahaja dan menghiburkan. Penggunaan pelbagai instrumen muzik dan topeng yang diwarisi secara turun-temurun menambah keunikan dan daya tarikan dalam persembahan ini. Konsep penglipur lara merujuk kepada tukang cerita yang berperanan menghiburkan hati khalayak dengan kata-kata yang indah. Dalam konteks tradisi lisan Awang Batil, penglipur lara bukan sahaja menyampaikan cerita, tetapi juga berusaha untuk menghilangkan kesedihan atau duka lara khalayaknya melalui seni penceritaan yang menarik dan penuh emosi. Menurut Pok Romli pemilihan cerita-cerita untuk dipersembahkan adalah bergantung kepada golongan khalayak penonton. Antara kriteria pemilihan cerita adalah cerita-cerita yang boleh memberi suntikan pengajaran dan semangat ke penontonnya. Ini selaras dengan tujuan utama penglipur lara dalam menyediakan hiburan dan menyuntik semangat dalam kalangan khalayak melalui persembahan yang memikat dan mempersonakan.

Kajian mengenai Awang Batil dapat dilihat daripada pelbagai perspektif. Antaranya kajian Mustafa Mohd Isa (1987) memfokuskan kepada latar belakang Mahmud Wahid dan naratif Awang Belanga, sementara Mohamed Nazreen et al. (2016) meneliti perubahan peranan Awang Batil dalam era moden, iaitu permainan ini semakin kurang diminati akibat kemajuan teknologi. Mohd Syamril Akhmar Chek Kassim (2014) pula mengupas fungsi dan falsafah dalam penyampaian cerita dan lagu Awang Batil yang mendidik masyarakat melalui nilai moral. Selain itu, Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2015) membandingkan peranan Awang Batil dengan penglipur lara suku Jakun, menonjolkan keunikan kedua-duanya dalam naratif masyarakat masing-masing. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa tradisi lisan Awang Batil bukan sekadar bentuk hiburan tetapi juga medium penting dalam penyampaian nilai dan kebijaksanaan kepada masyarakat.

Objektif kajian ini akan membincangkan penggunaan instrumen dalam tradisi lisan Awang Batil dari perspektif estetika seni oleh Jerome Stolnitz (1960). Menurut Stolnitz, estetika seni melibatkan cara manusia memahami dan menghargai keindahan serta fungsi seni dalam konteks budaya dan sosialnya. Merujuk kepada tradisi lisan Awang Batil, penggunaan instrumen muzik seperti batil, serunai, gendang, dan biola akan dianalisis untuk memahami bagaimana penggunaan instrumen tersebut menyerlahkan keindahan dan fungsi dalam penceritaan. Warisan Awang Batil menawarkan potensi besar untuk menonjolkan aspek budaya setempat, kerana penceritaan dan persembahannya mengangkat nilai-nilai warisan dan budaya tempatan melalui bentuk yang kreatif yang bukan sahaja memelihara tradisi tetapi juga memperkayakan pemahaman manusia tentang estetika dan fungsi seni dalam konteks budaya Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan dua kaedah kajian pengumpulan data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Kaedah kepustakaan digunakan bagi memperoleh data-data kajian lepas dan maklumat tentang kajian tradisi lisan yang khusus kepada tradisi lisan Awang Batil. Bahan-bahan kajian adalah dalam pelbagai bentuk yang merangkumi kajian ilmiah seperti tesis, artikel dalam jurnal, bab dalam buku, buku dan juga kajian-kajian dalam bentuk digital dan dianalisis secara deskriptif. Penekanan diberikan kepada konsep, teori, dan perspektif yang berkaitan dengan tradisi lisan, khususnya kajian tentang Awang Batil. Kaedah lapangan pula dilakukan bagi mendapatkan maklumat tentang tradisi lisan persembahan Awang Batil dengan lebih dekat. Teknik kerja lapangan yang digunakan termasuklah teknik rakaman, teknik wawancara, dan teknik catatan langsung. Wawancara dilakukan bagi mengetahui latar belakang pencerita, bentuk-bentuk persembahan, proses penciptaan cerita dan peralatan bantu persembahan tradisi lisan Awang Batil. Rakaman wawancara ini telah dilakukan pada bulan Julai 2024 di rumah informan yang terletak di Kampung Pokok Sena Chuping, Perlis. Data yang diperoleh melalui rakaman, wawancara, dan catatan lapangan dianalisis secara tematik. Pertama, data ini akan ditranskrip dan disusun mengikut tema-tema utama yang berkaitan dengan persembahan Awang Batil seperti latar belakang pencerita, bentuk persembahan, struktur cerita, peralatan bantu persembahan, dan peranan instrumen muzik.

Teknik analisis teks juga digunakan dengan aplikasi terhadap pendekatan estetika senu untuk memahami fungsi dan peranan instrumen persembahan Awang Batil dalam sesebuah persembahan Cerita Lipur Lara Awang Batil. Metodologi ini digunakan adalah bagi memastikan kajian mendalam mengenai persembahan Awang Batil dan mendokumentasikan tradisi dengan lebih berkesan.

PENDEKATAN ESTETIKA

Kajian tentang instrumen tradisi lisan ini dianalisis dari aspek persepsi estetika seni oleh Jerome Stolnitz (1960). Analisis yang dilakukan akan memperlihatkan fungsi penggunaan instrumen terutamanya alat muzik dalam menyerlahkan estetika seni sesebuah persembahan tradisi lisan Awang Batil. Estetika merupakan kajian falsafah seni yang luas, merangkumi seni sastera, muzik, tari, lukis, dan bina. Apabila membicarakan estetika dalam karya sastera, tidak hanya melibatkan penggunaan gaya bahasa, tetapi juga menggambarkan pemikiran serta budaya hidup masyarakat yang diterjemahkan secara kreatif melalui karya sastera, sama ada secara lisan atau tulisan.

Estetika adalah cabang falsafah yang berkaitan dengan keindahan, seni, dan pengalaman estetik. Dalam falsafah, estetika sering dilihat sebagai usaha untuk memahami dan mentafsirkan konsep keindahan, baik dalam seni mahupun kehidupan sehari-hari. Jerome Stolnitz (1960) menegaskan bahawa estetika bukanlah sesuatu yang statik atau berakhir pada satu produk akhir. Sebaliknya, ia adalah proses dan penyelidikan yang berterusan. Ini bermakna estetika bukan sahaja merujuk kepada hasil akhir seperti karya seni, tetapi juga melibatkan cara kita berfikir dan mempersoalkan keindahan serta seni.

Pendekatan persepsi estetika mengemukakan dua ciri penting, iaitu sikap estetika dan pengalaman estetika. Kedua-dua ciri ini akan memberi satu tanggapan keindahan kepada perkara yang diamati. Jerome Stolnitz (1960) mengemukakan tiga aspek utama kajian estetika seni, iaitu aspek perkara (*matter*), aspek bentuk (*form*) dan aspek pernyataan (*expression*). Bagi tujuan perbincangan ini hanya tertumpu kepada aspek bentuk (*form*) sahaja untuk menjelaskan penggunaan instrumen dalam tradisi lisan Awang batil.

Jerome Stolnitz (1960) menyatakan bahawa "bentuk" sebagai kata yang paling samar dalam bahasa seni. Ini bermakna bahawa "bentuk" dalam konteks karya seni adalah sesuatu yang sukar ditakrifkan secara jelas kerana ia memiliki pelbagai fungsi dan nilai yang berbeza-beza bergantung pada karya seni tersebut. Kenyataan ini menekankan betapa kompleksnya konsep "bentuk" dalam seni, iaitu boleh membawa makna yang berbeza mengikut cara pengamatan.

Definisi "bentuk" dalam seni tidak dapat dianggap lengkap jika hanya dilihat dari satu sudut sahaja. Untuk memahami konsep "bentuk" secara menyeluruh dalam konteks fungsi dan keindahan sesebuah karya seni, ia perlu dilihat dari empat aspek utama:

1. Bentuk sebagai penyusunan yang saling berkaitan: Bentuk dalam seni melibatkan susunan elemen yang saling berkaitan untuk menghasilkan keseluruhan karya. Penyusunan ini menciptakan struktur dan keseimbangan yang penting dalam estetika seni.
2. Bentuk sebagai ekspresi: Bentuk juga boleh dilihat sebagai satu cara untuk mengekspresikan emosi, perasaan, atau idea tertentu dalam karya seni. Bentuk yang diekspresikan ini memberikan jiwa dan makna yang lebih mendalam kepada karya tersebut.
3. Bentuk sebagai penyusunan corak yang khusus: Bentuk dalam seni boleh merujuk kepada corak atau pola yang spesifik, di mana elemen-elemen seni diatur dengan cara yang khusus untuk mencapai efek visual yang diinginkan. Ini mencerminkan keunikan dan identiti karya tersebut.
4. Bentuk sebagai penerangan atau deskripsi: Bentuk juga boleh berfungsi untuk menjelaskan atau mendeskripsikan sesuatu dalam karya seni. Dalam konteks ini, bentuk menjadi alat yang membolehkan penonton memahami maksud atau cerita yang disampaikan oleh karya tersebut.

Gabungan keempat-empat aspek ini membantu memberikan pemahaman yang lebih lengkap dan menyeluruh tentang "bentuk" dalam seni, serta bagaimana ia berfungsi dalam menghasilkan keindahan dan makna dalam sesebuah karya. Dalam konteks perbincangan ini, persepsi estetika seni yang akan dijelaskan adalah berasaskan penggunaan instrumen-instrumen muzik dan topeng dalam tradisi lisan Awang Batil. Kedua-dua elemen ini dapat memperlihatkan aspek-aspek persepsi bentuk estetik yang telah dibincangkan di atas. Instrumen muzik dalam tradisi lisan Awang Batil berfungsi sebagai penyusunan yang saling berkaitan, iaitu bunyi-bunyian dari pelbagai instrumen muzik memberi kesan keseimbangan dan harmoni untuk mencipta suasana serta emosi tertentu dalam sesebuah persembahan. Ekspresi yang terhasil melalui bunyi ini memberi jiwa kepada penceritaan yang disampaikan oleh penglipur lara. Instrumen topeng pula menjadi elemen fizikal yang nyata dalam persembahan dan juga boleh membawa tanggapan ekspresi yang berkesan kerana topeng mewakili watak dan mempunyai peranan yang tertentu dalam mengerakkan plot cerita.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Perbincangan mengenai estetika seni dalam tradisi lisan Awang Batil akan melibatkan analisis beberapa instrumen muzik serta topeng yang digunakan semasa mengiringi persembahan tradisi lisan Awang Batil daripada pendekatan estetika seni (1960). Pendekatan estetika seni oleh Jerome Stolnitz (1960) merupakan pendekatan estetika yang menjelaskan prinsip-prinsip estetika pada karya seni. Persembahan tradisi lisan Awang batil juga merupakan karya seni kerana persembahannya melibatkan gabungan naratif peristiwa dengan peralatan-peralatan seni yang tertentu bagi menghasilkan persembahan yang menarik. Instrumen muzik yang akan dibincangkan seperti batil, serunai, gendang dan juga biola. Kebiasaannya kesemua instrumen muzik termasuk batil akan dimainkan pada awal persembahan atau dikenali sebagai upacara

buka panggung, iaitu percubaan melihat instrumen mana yang akan digemari oleh khalayak pada ketika itu. Seterusnya Awang Batil akan cuba memilih instrumen mengikut kesesuaian dan kegemaran khalayak ketika mengadakan satu-satu persembahan. Perbincangan ini akan memperlihatkan bagaimana elemen instrumen muzik dalam persembahan Awang Batil berfungsi untuk memperkaya pengalaman estetik dan menyokong tradisi penceritaan lisan.

Batil

Batil merupakan sebuah bekas logam tradisional, biasanya diperbuat daripada tembaga, tetapi terdapat juga yang diperbuat daripada material perak atau emas. Bekas ini digunakan untuk menyimpan barangan atau makanan. Dalam sesetengah konteks budaya, seperti dalam tradisi Awang Batil, batil berperanan sebagai instrumen muzik yang penting untuk menghasilkan bunyi melalui ketukan semasa mengiringi persembahan tradisi lisan.

Batil yang digunakan oleh Pok Romli merupakan batil yang diwarisi sejak turun temurun. Batil merupakan sebuah bekas separa bulat yang digunakan untuk mengiringi persembahan Awang Batil. Ketukan pada batil tersebut akan mengeluarkan bunyi yang mengasyikan dan sesuai dengan nada serta irama suara Awang Batil semasa melantunkan bait-bait naratif satu-satu peristiwa dalam cerita Awang Batil. Dentingan ketukan batil pada pembuka persembahan Awang Batil memberi perasaan dan reaksi tertentu kepada pencerita mahupun khalayaknya. Kesatuan alunan suara dan dentingan bunyi batil menimbulkan kesan estetika bunyi serta pengalaman dalam penghayatan sesebuah cerita.



GAMBAR 1. Batil dalam Persembahan Tradisi Lisan Awang Batil

Batil dalam persembahan Awang Batil berbentuk seperti sebuah bekas tembaga yang menyerupai periuk yang leper dengan bahagian dasar yang rata, permukaan dalamnya mempunyai ukiran perkataan dalam tulisan jawi dan berwarna kekuningan atau keemasan. Instrumen ini digunakan dalam persembahan Awang Batil mempunyai nilai sentimental dan budaya yang mendalam, kerana ia diwarisi secara turun temurun. Keunikan batil ini turut ditonjolkan dengan adanya tulisan atau inskripsi pada permukaan di bahagian dalam yang mungkin menyimpan makna atau fungsi yang tersendiri. Tulisannya agak kabur dan sukar untuk dibaca.

Pok Romli akan memukul batil pada permulaan cerita untuk menarik perhatian khalayak penonton agar memberi perhatian penuh terhadap persembahan yang akan berlangsung. Ketukan alunan batil pada permulaan ini bukan sahaja menandakan pembukaan naratif tetapi juga menyampaikan elemen tradisi yang telah diwarisi turun-temurun. Dengan penuh hormat, Pok Romli memulakan tradisi persembahan Awang Batil yang dikenali sebagai acara bertabik

dengan menepuk belakang batil, mengeluarkan irama ketukan yang menyenangkan, sambil melafazkan ucapan hormat kepada khalayak. Ucapan hormat yang diberikan bergantung kepada khalayak yang menyertai persembahan. Kinduo dan Saidatul (2023: 21) menjelaskan bahawa bentuk dan panjang pendek kata-kata rujukan kehormat berbeza-beza bergantung kepada individu yang ingin disapa. Antara naratif permulaan persembahan tradisi lisan Awang Batil adalah seperti berikut:

He..i, telah dah sudah cik makan oi pinang sepiak dua, tiga sudah menolak cik su..dah..

He..i, dua dah tiga menolak cik sudah, mengayun salam mengonak cik likun mengunjung tabik ngunjung cik sem..bah..

He..i, mengunjung tabik pada professor, pensyarah-pensyarah, tuantuan dan puan-puan sekalian yang ada, kami tabik semua, kami tabik bela..ka..

(Cerita Awang Batil)

Petikan di atas merupakan sapaan hormat Awang Batil kepada khalayak yang ada di depannya. Batil akan diketuk beberapa ketika terlebih dahulu, diikuti dengan seruan “he..i” yang dinyatakan dengan nada panjang sebagai panggilan atau seruan kepada penonton. Kesatuan gabungan bunyi ketukan batil yang berirama dengan naratif penceritaan berfungsi untuk menarik perhatian khalayak bagi mempersiapkan mereka untuk mengikuti penceritaan yang akan disampaikan. Gabungan bunyi ketukan batil dengan naratif yang disampaikan menimbulkan daya tarikan tersendiri, menciptakan suasana yang membangkitkan rasa ingin tahu dan keterikatan emosi kepada persembahan tersebut. Pengalaman estetik yang dihasilkan daripada interaksi ini bukan sahaja memperkaya persembahan, tetapi juga menghubungkan penonton dengan tradisi yang telah lama wujud serta menjadikan setiap persembahan Awang Batil sebagai pengalaman yang unik dan meninggalkan kesan mendalam.

Berdasarkan persembahan tradisi lisan Awang Batil, dapat dirumuskan bahawa instrumen batil memainkan beberapa peranan penting. Antara fungsinya adalah pertama, mengiringi cerita, iaitu batil digunakan sebagai alat muzik yang mengiringi naratif, di mana irama ketukan batil membantu memperkuat kesan emosi dalam cerita. Misalnya, bunyi tertentu boleh menciptakan ketegangan, kegembiraan, atau kesedihan, yang sesuai dengan babak dalam penceritaan. Kedua, instrumen batil menciptakan atmosfera atau suasana yang sesuai dengan jalan cerita. Bunyi yang dihasilkan dapat membangkitkan suasana tertentu yang membantu penonton lebih menghayati cerita yang disampaikan. Ketiga, fungsi batil juga dapat Menarik Perhatian Penonton. Irama batil yang khusus dapat menarik perhatian penonton, mengarahkan fokus mereka kepada penceritaan yang sedang berlangsung. Ketukan batil juga menandakan peralihan dari satu babak ke babak yang lain dalam cerita, membantu penonton mengikuti perkembangan cerita. Keempat, batil sebagai simbol kesenian dan kebudayaan, iaitu batil juga dapat dikatakan mempunyai nilai simbolik yang tinggi sebagai alat warisan budaya. Hal ini dapat dilihat kepada penggunaan batil yang merupakan peralatan alat yang digunakan turun-temurun dalam persembahan Awang Batil. Fungsinya bukan sekadar alat muzik, tetapi juga simbol kelangsungan dan kesinambungan budaya yang diwarisi dari generasi ke generasi. Dalam konteks ini, batil melambangkan hubungan yang erat antara penglipur lara seperti Pok Romli dengan sejarah keluarga mereka, di mana batil yang digunakan adalah warisan daripada generasi sebelumnya. Penggunaannya dalam persembahan juga mencerminkan kemahiran dan kehalusan seni tukang cerita dalam mengendalikan peralatan batil sebagai alternatif alat muzik tradisional.

Dalam konteks persepsi estetika penggunaan batil bukanlah sekadar alat muzik, tetapi juga berfungsi sebagai alat komunikasi yang penting dalam menyampaikan cerita dan emosi kepada khalayak penonton.

Serunai

Serunai, sebagai alat muzik tradisional Melayu dalam kategori aerofon, bukan sahaja berfungsi seperti seruling dan selumprit, tetapi memainkan peranan yang lebih mendalam dalam konteks persembahan budaya (Mohd Ghouse Nasuruddin:1991). Dalam tradisi lisan Awang Batil, serunai bukan sekadar instrumen pengiring tetapi juga berfungsi sebagai medium naratif yang menghidupkan emosi dalam penceritaan dan membentuk suasana dramatik. Menurut Pok Romli, pengendalian serunai memerlukan perhatian yang tinggi dan teliti. Tidak semua orang berbakat dalam bermain instrumen ini. Serunai yang digunakan oleh Awang Batil adalah alat yang diwarisi daripada generasi terdahulu yang sekali gus menambah nilai dan simbolik kepada sesebuah persembahan.



GAMBAR 2. Serunai buatan tangan Encik Romli Mahmud

Serunai yang digunakan oleh Pok Romli adalah hasil kerja tangan beliau sendiri. Beliau mempunyai kemahiran dalam seni pertukangan kayu yang diwarisi daripada almarhum bapanya. Serunai ini berukuran 14 inci panjang dan dibuat daripada kayu merbau dan dihiasi dengan ukiran daripada tulang lembu. Terdapat tiga bahagian asas pada serunai ini, iaitu bahagian pipit (atas), batang (badan), dan kecopong atau serombong (bawah). Pipit adalah istilah dalam konteks serunai yang merujuk kepada bahagian kecil di hujung serunai, di mana pemain meniup untuk menghasilkan bunyi. Bahagian pipit terdapat daun tai yang diikat dengan tali dan di bawahnya ada penahan yang dikenali sebagai pelapik mulut. Pelapik mulut diperbuat daripada tempurung yang disokong dengan batang halus dan pendek yang dikenali sebagai naling. Naling merujuk kepada bahagian yang menghubungkan bahagian utama serunai dengan "pipit", iaitu bahagian atas yang menghasilkan bunyi. Naling ini berfungsi sebagai penyambung yang memastikan aliran udara yang betul dari pemain ke bahagian "pipit", dan memainkan peranan penting dalam penghasilan nada yang tepat.

Bahagian kedua merupakan bahagian batang atau badan yang diperbuat daripada kayu merbau. Menurut Pok Romli kayu merbau lebih tahan berbanding dengan kayu-kayu yang lain seperti kayu nangka. Pada bahagian ini terdapat 6 lubang ditebuk di depan dan satu lubang di bahagian belakang. Penyambung antara bahagian atas dan bahagian badan dikenali sebagai

sipai yang diperbuat daripada tulang lembu dengan corak-corak yang tertentu. Corak pada sipai juga menunjukkan unsur estetika dan kepentingan kehalusan seni dalam pembuatan serunai.

Bahagian serombong serunai, iaitu bahagian bawah yang diperbuat daripada kayu tui, dengan ukiran corak daun yang meniru corak asal serunai sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa Pok Romli memberi perhatian yang teliti terhadap tradisi dan keaslian dalam pembuatan alat muzik ini. Penggunaan sipai dari tulang lembu dan sapuk daripada getah sebagai penahan juga menunjukkan kreativiti dalam memastikan bahagian-bahagian serunai bersambung dengan baik.

Sebelum serunai digunakan, Awang Batil akan memastikan bahawa daun tai yang diletakkan di hujung serunai (pipit) berada dalam kedudukan yang betul. Kelembapan daun ini juga perlu sesuai untuk memastikan kenyaringan dan keseimbangan bunyi yang dihasilkan serasi dengan nada yang akan dipersembahkan. Menurut Pok Romli, daun tai memerlukan penjagaan yang rapi dan tidak boleh disentuh sembarangan kerana sifatnya yang lebih sensitif dan mudah rosak. Penjagaan dan persiapan ini menunjukkan betapa pentingnya serunai dalam menyampaikan emosi dan mencipta suasana melalui muzik, yang akhirnya menyampaikan pelbagai pengalaman estetika kepada khalayak.

Sebelum memulakan penggunaan satu-satu alat muzik, Pok Romli akan memaklumkan terlebih dahulu kepada khalayak tentang perkara tersebut. Hal ini biasanya diungkapkan dengan pengucapan seperti berikut;

“Habishlah tabik. Kalau habis tabik dia tiup serunai pulak selagu. Kalau masa dulu ni untuk panggil penonton supaya datang ke hadapanlah. Lagu dia tu, nama dia ayaq mawar”

(Cerita Awang Batil)

Serunai juga mempunyai peranannya dalam cerita yang dipersembahkan Awang Batil. Serunai kebiasaannya akan dimainkan di antara cerita bagi menimbulkan emosi sedih atau sayu. Contohnya menceritakan tentang watak Awang yang sedang bersedih berjalan dalam hutan seorang diri, maka Awang Batil akan mainkan serunai dengan lagu-lagu sedih seperti *lagu seri siantan* atau *lagu dodoi anak* dalam *Cerita Awang Akar Larak* dimainkan semasa raja hendak beradu.

Keindahan serunai tidak hanya terletak pada reka bentuknya, tetapi juga pada peranannya yang signifikan dalam persembahan tradisi lisan Awang Batil. Tiupan serunai oleh Awang Batil bukan sahaja menandakan permulaan persembahan, tetapi juga berfungsi untuk menarik perhatian khalayak penonton agar mendekati pentas dan memberi fokus kepada penceritaan yang akan disampaikan. Bunyi serunai dengan alunan muzik yang tertentu menambah dimensi estetik dan emosional yang memperkaya pengalaman penonton. Seperti yang dijelaskan oleh Jerome Stolnitz (1960: 230), setiap elemen dalam sesebuah karya menyumbang sesuatu yang penting untuk nilai keseluruhan karya tersebut: “...all that are needful are there. There is diversity and complexity in the work.” Dalam konteks tradisi lisan Awang Batil, instrumen serunai memainkan peranan yang penting dalam struktur dan penyampaian cerita serta menambahkan kepelbagaian dalam persembahan dengan setiap elemen muzik yang terlibat saling berhubung dan menyumbang kepada pengalaman estetik yang lebih mendalam bagi penonton. Bersesuaian dengan peranan instrumen serunai ini dalam tradisi lisan Awang batil, serunai digunakan sejak dahulu lagi dan cara bermain alat muzik ini juga dipelajari daripada warisan yang terdahulu. Setiap tiupan serunai dan fungsi muziknya berperanan dalam menyampaikan cerita dengan cara yang menyeluruh, menjadikan keseluruhan pengalaman persembahan lebih berkesan.

Biola

Dalam persembahan Awang Batil, penggunaan biola memang memberi sumbangan besar dalam menyokong naratif dan emosi cerita. Sama seperti serunai, biola digunakan untuk menyampaikan nuansa perasaan dan mencipta suasana yang lebih mendalam. Biola adalah instrumen bertali dengan empat dawai yang dimainkan dengan menggunakan pengesek untuk menghasilkan bunyi melalui gesekan tali dengan badan kayu berongga. Biola sering digunakan dalam pelbagai jenis muzik dan memiliki keupayaan untuk menyampaikan pelbagai emosi melalui permainan melodi yang halus dan ekspresif. Berikut merupakan biola yang digunakan oleh Pok Romli dalam persembahan tradisi lisan Awang Batil.



GAMBAR 3. Biola Buatan Jerman dan Biola Buatan Tangan Encik Romli Mahmud

Pok Romli menggunakan dua jenis biola dalam persembahannya: biola buatan Jerman dan biola buatan sendiri. Biola buatan Jerman menghasilkan bunyi yang lebih nyaring dan jelas, sementara biola yang dibuat oleh Pok Romli sendiri, materialnya daripada kayu tui mempunyai saiz yang lebih kecil dan menghasilkan bunyi yang lebih "lemak". Setiap biola mempunyai kelebihan tersendiri, yang mana biola buatan Jerman lebih sesuai untuk adegan-adegan yang memerlukan bunyi yang lebih nyaring dan nada yang tinggi, manakala biola buatan sendiri memberikan nada yang lebih lembut dan merdu, menambahkan kepelbagaian irama dan emosi kepada penceritaan. Jerome Stolnitz (1960) berpendapat bahawa setiap karya seni memiliki fungsi dan keindahannya yang tersendiri, bergantung kepada deria khalayak yang menilainya. Ini selari dengan peranan biola dalam persembahan tradisional seperti Awang Batil, iaitu biola tidak hanya berfungsi sebagai alat muzik, tetapi sebagai medium yang mencipta suasana dan melodi yang mampu mempengaruhi emosi khalayak. Keindahan biola terletak pada keupayaan pemainnya dalam menyampaikan emosi melalui bunyi, yang bergantung kepada deria pendengaran dan interpretasi khalayak. Selain itu, penggunaan alat muzik biola juga mencerminkan penggabungan unsur tradisional dan pengaruh luar yang secara tidak langsung menjadikannya alat muzik yang fleksibel dan relevan dalam pelbagai bentuk seni. Ini menunjukkan bahawa keindahan seni seperti yang dijelaskan oleh Stolnitz, bukan hanya bersifat objektif, tetapi bergantung kepada pengalaman estetik yang dihadapi oleh khalayak. Maka, fungsi biola dalam memperkaya persembahan bergantung sepenuhnya kepada cara khalayak menghayati bunyinya, dengan setiap individu menilai keindahan tersebut melalui deria dan persepsi yang unik.

Pok Romli turut menekankan bahawa proses pembuatan biola memakan masa yang lama, perlukan lebih ketekunan dan kemahiran dalam pembuatannya. Tali pengesek biola juga telah diubah suai. Tali pengesek biola asal yang biasanya diperbuat daripada tali nilon telah diganti

dengan menggunakan ekor kuda. Proses pemasangan tali ekor kuda ini memerlukan ketekunan dan kemahiran yang tinggi. Ia bukan sahaja tentang memastikan tali dipasang dengan betul, tetapi juga memastikan ketegangan dan kekerasan tali sesuai untuk menghasilkan bunyi yang diinginkan. Pok Romli pastinya mengambil masa untuk memastikan setiap aspek pengeseknya memenuhi standard tertentu, demi mendapatkan bunyi yang lebih memuaskan dan autentik.

Penggunaan ekor kuda dalam tali pengesek adalah menunjukkan Pok Romli bukan sahaja berkemahiran bermain alat muzik tetapi juga mempunyai seni kehalusan dan kebijaksanaan tersendiri dalam memastikan instrumen yang direkanya memenuhi nilai estetik yang boleh memberi kesan kepuasan kepada khalayak.

Biola yang dihasilkan bukan sahaja memiliki bentuk fizikal yang unik tetapi juga mempengaruhi kesan bunyi dan emosi yang dihasilkan. Dalam persembahan tradisi lisan Awang Batil, penggunaan kedua-dua biola ini memperkayakan variasi bunyi dan menawarkan pengalaman yang lebih mendalam kepada khalayak. Alunan muzik latar yang sesuai dan penuh emosi dalam penceritaan mampu menonjolkan ekspresi atau tanggapan estetika dengan lebih jelas. Jerome Stolnitz (1960) berpendapat bahawa estetika bukan sekadar hasil akhir, tetapi merupakan proses berterusan yang melibatkan cara kita memahami dan menilai keindahan seni. Oleh itu, penggunaan instrumen biola dalam persembahan tradisi lisan Awang Batil tidak hanya menunjukkan kebijaksanaan dan kemahiran tukang cerita dalam mengendalikan alat muzik tersebut, tetapi juga menjelaskan aspek kepuasan dalam mencipta dan menyampaikan persembahan yang berkesan kepada khalayak. Pengertian ini menunjukkan bahawa estetika lebih daripada sekadar analisis atau penilaian terhadap apa yang dianggap indah; ia adalah usaha yang memerlukan pemikiran kritikal dan refleksi mendalam. Dalam konteks ini, estetika sebagai “proses” mencerminkan perjalanan intelektual yang dinamik dan berterusan dalam memahami dan mengapresiasi pengalaman estetik.

Gendang

Gendang yang digunakan dalam persembahan Awang Batil oleh Pok Romli adalah hasil kerja tangannya sendiri, yang mana bahan asasnya terdiri daripada kayu nangka dan kulit kambing. Jika dahulu kulit bahagian atas ditegangkan dengan menggunakan rotan kini digantikan dengan besi halus yang dipateri bersama bingkai besi yang lebih besar. Penambahan bingkai besi ini bertujuan untuk menguatkan badan gendang, agar tidak pecah ketika dipalu dengan kuat semasa persembahan. Berikut merupakan gambar gendang yang digunakan oleh Pok Romli.



GAMBAR 4. Gendang dalam persembahan tradisi lisan Awang Batil

Pok Romli juga ada menjelaskan bahawa terdapat gendang yang menggunakan skru untuk menegangkan kulitnya. Namun, beliau mendapati penggunaan skru ini kurang sesuai

kerana ia berpotensi menyebabkan kecederaan kepada pemain, seperti ketidakselesaan atau luka pada tangan akibat geseran dengan skru. Gendang ini biasanya digunakan untuk mengiringi lagu-lagu yang berentak lebih rancak seperti *Umpan Jinak Di Air Tenang* dan *Manis Manis Manis*. Pukulan gendang bukan sahaja memberikan irama yang dinamik kepada lagu-lagu ini, tetapi juga menyumbang kepada suasana keseluruhan persembahan, menambah semangat dan energi yang sesuai dengan naratif yang dibawakan dalam persembahan Awang Batil. Seni keindahan luaran ini dinikmati oleh khalayak menggunakan pancaindera yang lima, iaitu daripada mata turun ke hati, daripada halwa telinga menyentuh ke jiwa, malah mampu memberikan hiburan dan kesan kepada perasaan dan deria pendengaran khalayak melalui alunan muzik bahasa yang terhasil melalui penciptaan kreatif pengarang dalam sesebuah karya (Nur Hikmahtul Aiman dan Muhd Norizam, 2023: 158).

Topeng

Topeng merupakan sejenis alat yang digunakan untuk menutup muka berupa bentuk orang atau binatang. Kebanyakan material untuk pembuatan topeng ialah daripada kayu. Kayu tersebut akan diukir mengikut kesesuaian rekaan topeng; digunakan di muka atau dibuat dalam saiz yang lebih besar untuk menutupi keseluruhan badan sepertimana yang dilakukan oleh sebahagian kebudayaan tradisi (Abdul Walid Ali, Awangko' Hamdan, & Hishamuddin Siri, 2020). Topeng yang digunakan oleh Pok Romli dalam tradisi lisan Awang Batil adalah warisan turun-temurun yang dipercayai telah berusia lebih daripada 300 tahun. Topeng ini diperbuat daripada kayu tui, yang dipotong dan dibentuk menjadi dua watak yang berbeza. Kayu tersebut diwarnakan dengan warna merah, putih, dan hitam, memberikan kesan visual yang kuat dan membezakan setiap watak.



GAMBAR 5. Topeng watak hulubalang dan Wak Nujum

Terdapat dua jenis topeng yang digunakan dalam persembahan Awang Batil: topeng hulubalang dan topeng ahli nujum atau Wak Nujum. Topeng hulubalang mempunyai saiz yang lebih kecil dan menampilkan gigi yang diperbuat daripada siput gewang, memberikan kesan rupa yang lebih garang dan berani. Sementara itu, topeng Wak Nujum mempunyai bentuk muka yang lebih panjang dan dikenakan dengan kopiah, menampilkan watak yang lebih tenang dan bijaksana.

Penggunaan topeng ini bergantung kepada jalan cerita yang disampaikan dalam persembahan. Sebagai contoh, jika cerita tersebut mengandungi watak hulubalang, penglipur lara akan memakai topeng hulubalang untuk mewakili watak tersebut, dan begitulah sebaliknya untuk watak Wak Nujum. Pok Romli selaku tukang cerita menyampaikan cerita secara bersahaja dengan mengenakan topeng yang sesuai dengan peristiwa dalam sesebuah cerita. Keberkesanan

penggunaan instrumen topeng juga dibantu dengan nada suara dan gerak laku seseorang penglipur lara. Dalam konteks ini Jamilah Hj. Ahmad (1987) ada menjelaskan bahawa seseorang penglipur lara yang baik dapat menyampaikan sesebuah cerita dengan gaya bersahaja tetapi menarik. Nada suara dan irama amat penting bagi menghidupkan sesebuah cerita.

Topeng yang digabungkan dengan penggunaan instrumen muzik yang lain, merupakan komponen penting dalam persembahan tradisi lisan Awang Batil. Elemen-elemen ini bukan sahaja membantu menghidupkan jalan cerita tetapi juga memperkayakannya dengan dialog secara spontan, jenaka, serta nyanyian yang disesuaikan dengan suasana acara dan reaksi khalayak penonton. Kesemua elemen ini disatukan secara seimbang dalam mencipta pengalaman yang penuh warna dan mengesankan dan seterusnya menjadikan persembahan Awang Batil sesuatu yang benar-benar unik dan penuh nilai budaya setempat.

KESIMPULAN

Tradisi lisan Awang Batil adalah salah satu bentuk persembahan budaya Melayu yang menggabungkan aspek penceritaan dan pelbagai instrumen seperti alat muzik dan topeng. Kajian yang menyoroti penggunaan instrumen tradisional seperti batil, serunai, gendang, biola dan topeng dalam konteks persepsi estetika seni yang dikemukakan oleh Jerome Stolnitz (1960) mendapat bahawa instrumen yang digunakan dalam tradisi lisan ini bukan sahaja memberi kesan kepada persembahan tetapi juga memperlihatkan kebijaksanaan seorang tukang cerita yang peka dan kreatif dalam bidangnya. Tradisi lisan Awang Batil bukan sahaja memperkenalkan seorang tukang cerita profesional tetapi juga seorang artisan yang mahir dalam mereka dan menghasilkan instrumen yang berkaitan dengan persembahannya. Gabungan penceritaan dengan instrumen muzik seperti serunai, gendang, dan biola memainkan peranan penting dalam mencipta suasana dan emosi yang mendalam. Setiap instrumen menyumbang kepada penceritaan lebih dramatik. Manakala instrumen tradisional seperti topeng dan batil pula dapat memperkukuhkan warisan budaya yang diintegrasikan dengan penceritaan. Gabungan penceritaan dan instrumen muzik seperti serunai, gendang dan biola yang digunakan berfungsi sebagai elemen penting dalam mencipta suasana dan emosi. Aspek penyataan bentuk seni yang dikemukakan melalui penciptaan dan peranan instrumen dalam tradisi lisan Awang Batil saling berhubungan antara reka bentuk dan fungsinya yang boleh memberi kesan kepada penceritaan dan dapat meningkatkan daya penghayatan khalayak. Ini juga ada dijelaskan oleh Jerome Stolnitz (1960), bahawa bentuk dalam seni adalah kompleks dan melibatkan penyusunan elemen, ekspresi emosi, corak khusus, dan penerangan yang tertentu. Dalam konteks Awang Batil, penggunaan instrumen muzik dan topeng mencerminkan konsep bentuk estetika ini, dengan setiap elemen berfungsi untuk menambah keindahan dan makna dalam persembahan. Secara ringkasnya, tradisi lisan Awang Batil bukan sahaja dapat memelihara warisan budaya tetapi juga menawarkan pemahaman yang mendalam tentang estetika dan fungsi seni dalam konteks budaya Melayu.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan inisiatif daripada Peruntukan Kementerian Pengajian Tinggi/Akademi Pengajian Melayu- UMG004K-2024 (Sastera Sebagai Wadah Kebijaksanaan Masyarakat Melayu).

RUJUKAN

- Abdul Walid Ali, Awangko' Hamdan & Hishamuddin Siri. 2020. Peranan Topeng Sagu Melanau untuk Kaul di Sarawak, Borneo. (Atas talian). Muat turun 10 September 2024, dari https://www.researchgate.net/publication/345310126_Peranan_Topeng_Sagu_Melanau_untuk_Kaul_di_Sarawak_Borneo.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. 1999. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamilah Hj. Ahmad (1987). *Cerita Sulung Jawa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartika, D. S. 2007. *Estetika*. Bandung: Rekayasa Sains.
- Madiawati Mamat@Mustaffa, Rohaidah Haron& Rohayati Junaidi. 2024. Pengucapan Beradab Penglipur Lara melalui Naratif Lisan Persembahan Awang Batil. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 32 (S2), 1-16.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman. 2014. *Pura Taman: Warisan Penglipur Lara Jakun*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman. 2015. Awang Batil dan Pura Taman: Suatu perbandingan Tradisi Penglipur Lara Melayu dan Orang Asli. *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, 5 (1), 49-64.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Akif Faizullah Jamaludin & Muhammad Nur Saiful Ghazali. 2016. Kedudukan Penglipur Lara Awang Batil dalam Era Kontemporari Kini. Dlm. Jelani Harun dan Mohamad Lutfi Abdul Rahman (Peny.). *Prosiding Seminar Tradisi Lisan Serantau: Warisan Nusantara Merentas Zaman dan Media*, 326-340.
- Mohd Ghouse Nasuruddin. 1991. *Muzik Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Syamril Akhmar Chek Kassim. 2014. Penglipur Lara Awang Batil: Nilai, Fungsi dan Falsafah dalam Penyampaian (Cerita dan Lagu). Dalam *Symposium of International Languages & Knowledge (SILK)*. Pusat Bahasa Antarabangsa Universiti Malaysia Perlis.
- Mohd Taib Osman. (Peny.). 1991. *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar A. K. 2022. Pak Mahmud Awang Batil. *Buletin Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perlis (Kayang)*. 5 (5).
- Muhammad Haji Salleh. 2000. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustaffa, Mohd Isa. 1987. *Awang Batil: Penglipur Lara dari Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Hikmahtul Aiman Kamarulzaman & Muhd Norizam Jamian. 2023. Keindahan Luaran Gurindam Jiwa Penawar Duka Dari Perspektif Puitika Sastera Melayu. *Jurnal Melayu, Isu Khas*, 152-166.
- Stolnitz, J. 1960. *Aesthetic and Philosophy of Art Criticism: A Critical Introduction*. Boston: Houghton Mifflin.
- Stolnitz, J. 1965. *Aesthetic*. New York: Macmillan.
- Windy Kinduo & Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2023. Kata Penanda Santun dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah: Suatu Tinjauan. *Jurnal Melayu*, 22 (1), 16-33.
- Zakaria Osman. 1997. *Novel-Novel A. Samad Said: Menghayatinya dari Sudut Estetika Sastera*. Tesis PhD. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Biodata Penulis:

Dr. Madiawati Mamat@Mustaffa (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Program Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Kesusasteraan Melayu dari Universiti Putra Malaysia, Sarjana dan Sarjana Muda Pengajian Melayu dari Universiti Malaya. Bidang kajian ialah Kesusasteraan Elektronik, Estetika dan Kesusasteraan, dan Kesusasteraan Lisan Melayu.

Dr. Maizira Abdul Majid (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Program Sosio-Budaya/Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Pengurusan Seni dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana dan Sarjana Muda Pengajian Melayu dari Universiti Malaya. Bidang kajian beliau ialah Pengurusan Seni dan Kesenian Melayu.